



Memo

LEMBAGA GETAH MA LAYSIA MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/B/0010
Tarikh : 12 Mac 2015

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 4 TAHUN 2015

KEMUDAHAN RAWATAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA (IJN)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa anggota LGM dan tanggungan termasuk ibubapa layak mendapat kemudahan rawatan di IJN dengan *syarat* pesakit hendaklah terlebih dahulu diperiksa dan dirujuk oleh Pakar Perubatan dari mana-mana hospital/klinik Kerajaan atau swasta seperti yang dinyatakan di dalam *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 Perkara 11*. Salinan Surat Rujukan tersebut perlu dikemukakan kepada Pihak UPSM sebagai rujukan.

3. Anggota LGM perlu mendapatkan Surat Pengesahan dan Perakuan Pegawai (*Surat Jaminan*) dari LGM untuk dikemukakan kepada IJN bagi mendapatkan rawatan atau temujanji.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Kreatif, Inovatif, Progresif"

(SHAHRRIR BIN MOHD SALLEH)

11. Permohonan perbelanjaan bagi rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) adalah dilaksanakan mengikut tatacara berikut:

- (i) mendapat rawatan di hospital/ klinik Kerajaan atau swasta; **dan**
- (ii) dirujuk oleh Pakar Perubatan Umum (*Physician*)/ Pakar Kardiologi di hospital/ klinik Kerajaan atau swasta untuk ke IJNSB; **dan**
- (iii) mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam ‘Panduan Mengenai Kemudahan Di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) Bagi Pelbagai Golongan Pesakit Di Bawah Tanggungan Kerajaan Persekutuan - Kemudahan Perubatan Bagi Pegawai Kerajaan’ sebagaimana edaran melalui surat Kementerian Kesihatan Malaysia bil. (68) dlm.KKM.203/30 Bhg. 5 bertarikh 16 September 1997; **dan**
- (iv) permohonan dikemukakan menggunakan Borang Perubatan 1/09 seperti di **Lampiran A**; **dan**
- (v) permohonan diluluskan oleh **Ketua Jabatan**.